

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian mempertimbangkan pemberian diskaun ke atas cukai taksiran yang dibayar kepada DBKL bagi meringankan bebanan rakyat yang terjejas dengan penularan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang Di Pertua,

Izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bintang, kerana telah turut mengiringi saya sewaktu saya turun melawat dan bertemu penjaja di Bukit Bintang khususnya di Jalan Alor tempoh hari. Terima kasih juga pada soalan Yang Berhormat, yang menandakan Yang Berhormat amat prihati sekali dengan pelbagai langkah yang telah Kerajaan ambil berhubung dengan usaha untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh rakyat akibat oleh pandemik COVID 19.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai usaha telah dilakukan diperingkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) antara lain termasuklah mengecualikan 6 bulan sewa dari para penjaja/ premis DBKL, 6 bulan penangguhan bayaran kembali mereka yang membeli rumah-rumah DBKL dan juga 6 bulan penangguhan bayaran sewa bagi penjaja-penjaja yang menjaja di premis-premis DBKL.

Secara keseluruhan untuk makluman Yang Berhormat, jumlah RM100 juta kos yang telah ditanggung oleh DBKL dan agensi-agensi di bawah Kementerian di bawah usaha-usaha tersebut. Walau bagaimanapun setakat ini DBKL tidak bercadang untuk memberikan diskaun atas cukai taksiran. Namun begitu, bagi mereka-mereka yang mempunyai masalah mereka boleh menangguhkan bayaran taksiran atau mereka boleh membyara secara *installment* sehingga akhir Disember 2020.

Sekian, terima kasih.